

Penelitian Terhadap Metode Akidah Al-Qaradawi Berkenaan Sifat *Khabariyyah*

[A Study on Al-Qaradawi's Method of Belief Regarding the Nature of Khabariyyah]

Nasron Yaacob

Fakulti Usuluddin dan Al-Quran & Sunnah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail
Petra (KIAS), 15730, Kota Bharu, Malaysia, drnasron@gmail.com

ABSTRACT

Al-Qaradawi, an influential Islamic scholar in the Muslim world, made valuable contributions to da'wah within the Muslim community. One area he addressed was Islamic creed ('aqidah), particularly the methodology of the sifat khabariyyah (scriptural attributes of God), which remains a subject of disagreement among Muslims today. Al-Qaradawi believed that differences of opinion would continue to exist; however, such differences should not undermine the unity of faith among Muslims. The objective of this study is to evaluate al-Qaradawi's theological methodology regarding the sifat khabariyyah, particularly the contrast between the Salafi school's method of ithbat and the Khalaf school's methods of ta'wil and tafwid. This study employs a qualitative approach using a content analysis research design, analyzing documented materials such as magazines, books, journals, written reports, and websites. The findings reveal that al-Qaradawi adopted both the methods of ithbat and ta'wil in addressing the issue of sifat khabariyyah, while also acknowledging that the creed methodology embraced all three approaches: ithbat, ta'wil, and tafwid. Al-Qaradawi further argued that these three theological approaches, represented today by the Salafi and Khalaf schools, fall within the framework of Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Therefore, al-Qaradawi strongly emphasized the importance of ummah unity among Muslims and rejected excessive fanaticism, as all three methods still belong to the tradition of Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. It is hoped that this study will help ease theological disputes concerning the methods of ithbat, ta'wil, and tafwid through al-Qaradawi's moderate approach, in line with the teachings of Islam.

Keywords; *Method, Creed, al-Qaradawi, Khabariyyah, Research*

ABSTRAK

Al-Qaradawi sebagai seorang tokoh ulama berpengaruh di dunia telah memberikan sumbangan dakwah yang bernilai kepada umat Islam. Antara bidang dakwah yang disantuninya ialah akidah Islam dalam mengupas tentang metode sifat *khabariyyah* seperti yang diperselisihkan oleh umat Islam hari ini. Al-Qaradawi percaya bahawa perselisihan pendapat akan tetap berlaku, namun ia tidak sepatutnya menggugat kesatuan akidah di antara kalangan umat Islam. Objektif kajian ialah menilai metode akidah al-Qaradawi terhadap sifat *khabariyyah*, di antara metode *ithbat* yang dipegangi oleh aliran Salafiyah, dan *ta'wil* serta *tafwid* yang didukung oleh aliran Khalaf. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui reka bentuk kajian analisis kandungan, iaitu analisis terhadap bahan dokumentasi seperti majalah, buku, jurnal, laporan bertulis dan laman web. Hasil kajian mendapati bahawa al-Qaradawi berpegang dengan metode *ithbat* dan *ta'wil* dalam isu sifat *khabariyyah*, dan juga mengakui bahawa metode akidah Salaf ialah berpegang dengan semua metode *ithbat*, *ta'wil* dan *tafwid*. Al-Qaradawi berpendapat bahawa ketiga-tiga metode akidah tersebut yang diwakili oleh Salafiyah dan Khalaf pada hari ini adalah semuanya termasuk dalam aliran Ahli Sunnah wal Jamaah. Justeru itu al-Qaradawi sangat menekankan keperluan kesatuan ummah di antara umat Islam dan menolak sikap fanatik yang melampau kerana ketiga-tiga metode tersebut masih lagi tergolong dalam aliran Ahli Sunnah wal Jamaah. Kajian ini diharap dapat meredakan pertikaian metode akidah antara metode *ithbat*, *ta'wil* dan *tafwid* ini melalui pemikiran sederhana al-Qaradawi sebagaimana anjuran Islam.

Kata kunci; Metode, Akidah, al-Qaradawi, *Khabariyyah*, Penelitian

How to Cite:

Received : 11.08.2026
Revised : 06.05.2026
Accepted : 13.05.2026
Published : 31.05.2026

Yaacob, N. (2026). Penelitian Terhadap Metode Akidah Al-Qaradawi Berkenaan Sifat Khabariyyah. *RABBANICA Journal of Revealed Knowledge*, 7(1), 32–45

1. Pendahuluan

Umat Islam telah lama berselisih pandangan tentang isu sifat *khabariyyah* Allah SWT. Ia kekal sampai ke hari ini sehingga melahirkan banyak aliran akidah yang berlainan pendapat. Dalam aliran Ahli Sunnah wal Jamaah sendiri juga masih ada perselisihan pendapat yang ketara, sehingga melahirkan metode *ithbat*, *tafwid* dan *ta'wil*. Isu ini telah menyebabkan perbalahan besar dalam kalangan umat Islam serata dunia, dan terbitnya pelbagai tuduhan seperti kufur, fasik dan seumpamanya. Justeru penampilan al-Qaradawi selaku mantan Pengerusi Kesatuan Ulama Sedunia melalui bukunya *Fusul fi al-'Aqidah Bayn al-Salaf wa al-Khalaf* dianggap antara penyelesaian ringkas dan tepat terhadap isu kritikal berkenaan metode akidah ini.

Nama sebenar al-Qaradawi ialah Yusuf bin Abdullah bin Ali bin Yusuf yang lahir pada 9 September 1926 di perkampungan Safat Turab, Mesir (Yaini et al., 2020). Beliau memiliki rekod pengajian yang cemerlang sejak kecil hingga dewasa, termasuk sudah menghafal al-Quran sejak berumur sembilan tahun. Semasa berada di peringkat pengajian menengah pada tahun 1949, al-Qaradawi dan para sahabatnya daripada jemaah al-Ikhwan al-Muslimun telah ditahan kerana terlibat dalam isu keselamatan negara Mesir. Guru yang dihormatinya iaitu Hasan al-Banna telah syahid dalam tempoh tersebut, sehingga meninggalkan kesedihan yang mendalam dalam diri al-Qaradawi dan para sahabatnya. Daripada Hasan al-Banna, maka mereka belajar mengenal dan menghayati kepentingan hidup beragama untuk kebaikan ummah. Selepas menamatkan pengajian menengah dengan cemerlang, beliau seterusnya menyambung pengajian ke peringkat ijazah di Kuliah Usuluddin di Universiti al-Azhar dan menamatkannya dengan cemerlang ('Isam, 2001). Beliau juga berjaya menamatkan pengajian Doktor Falsafahnya (PhD) di Universiti al-Azhar pada tahun 1973, dengan tesis yang berjudul "Zakat dan Pengaruhnya Dalam Mengatasi Masalah Sosial" (Aziz, 2017).

Al-Qaradawi sekali lagi dipenjarakan oleh kerajaan Mesir kerana terlibat dengan gerakan al-Ikhwan al-Muslimun pada tahun 1954 dan dibebaskan pada tahun 1956. Dalam tempoh tersebut beliau telah merasai sendiri keperitan hidup dalam penyeksaan hukuman penjara yang dikenakan terhadap para penghuni penjara. Demikian juga cabaran yang berupa penyenaian hitam terhadap namanya sehingga menghadapi diskriminasi dalam perjawatan awam kerajaan, penglibatan dalam bidang pendidikan dan dakwah di Mesir. Ada penulisan rencananya yang tidak diterima untuk penerbitan disebabkan rekod penglibatan dalam gerakan al-Ikhwan al-Muslimun ('Isam, 2001). Pada tahun 1961, Kerajaan Qatar telah menjemput al-Qaradawi menyumbangkan khidmat dalam pengurusan maahad atau sekolah agama. Di Doha beliau diberikan tugas menubuhkan Kuliah Syariah di situ, dan kemudiannya mengasaskan Markaz Buhuth al-Sunnah wa al-Sirah ('Isam, 2001). Al-Qaradawi meninggal dunia di Doha, Qatar pada 26 September 2022 pada usia 96 tahun.

Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) membawakan erti penelitian ialah perihal (kerja dan sebagainya) meneliti, pengkajian, penyelidikan, pemeriksaan. Metode pula bermaksud sistem, atau cara melakukan sesuatu. Metodologi ialah sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan, disiplin dan sebagainya. Akidah ialah rukun agama yang menjadi asas kepada keimanan yang diyakini (Baharom et. al., 2005). Kandungan ilmu akidah adalah luas, maka perbincangan artikel adalah mengenai akidah yang berkaitan dengan sifat *khabariyyah* Allah SWT. Sifat *khabariyyah* ialah sifat-sifat Allah SWT yang hanya

dikhabarkan melalui khabar wahyu sahaja tanpa *tashbih* (keseperupaan) (al-Bayhaqi, 2004). Sifat ini menurut al-Qaradawi (2005) ada disebutkan dalam nusus syarak yang mensabitkan bagi Allah sifat yang disangkakan serupa dengan makhluk, seperti *yad* (tangan), *qadam* (kaki), *'ayn* (mata), *wajh* (wajah), *harakah* (gerakan) dan *intiqal* (berpindah). Aliran Ahlu Sunnah wal Jamaah menurut al-Qaradawi terdiri dari tiga metode dalam memahami sifat *khbariyyah* ini, iaitu *ithbat*, *ta'wil* dan *tafwid*. *Ithbat* ialah metode yang mengisbatkan makna zahir nas sifat *khbariyyah* Allah, seperti *istiwa'* (bersemayam), *wajh* (wajah) dan *yad* (tangan) yang tidak *tashabuh* (serupa) dengan makhluk dan ia adalah sebagaimana yang selayaknya dengan sifat kesempurnaanNya (Ibn Taymiyyah, 2004). Erti *ta'wil* ialah metode yang mengutarakan makna lain dari makna asal bagi sifat *khbariyyah* tersebut (al-Juwayni, t. thn). Manakala erti *tafwid* pula ialah metode yang menyerahkan maksud dan erti sifat *khbariyyah* tersebut kepada Allah SWT sahaja yang mengetahuinya (al-Khattabi, 1934).

Objektif penulisan artikel ini ialah meninjau secara ilmiah tentang metode akidah yang dipegangi oleh al-Qaradawi terhadap sifat *khbariyyah* Allah SWT, sama ada *ithbat*, *ta'wil* atau *tafwid*. Tinjauan juga adalah tentang perspektif al-Qaradawi sendiri terhadap metode *ithbat* yang dipegangi oleh aliran Salafiyyah, serta *ta'wil* dan *tafwid* yang didukung oleh aliran Khalaf daripada Asha'irah dan Maturidiyyah. Persoalan kajian di sini adalah mengenai al-Qaradawi yang merupakan tokoh ilmuan Islam masa kini yang sederhana dalam pendekatan dakwah dan akidah. Dalam menyantuni isu sifat *khbariyyah* yang diperselisihkan oleh ulama sedunia sejak sekian lama, beliau tampil dengan pendekatan sederhananya yang meraikan semua pihak yang berselisih pandangan. Justeru bagaimana pendekatannya dalam mempersembahkan metode akidah yang sederhana di antara pihak yang berselisihan dan apa penyelesaian yang diutarakan oleh al-Qaradawi untuk meredakan perselisihan di antara umat Islam? Artikel ini akan cuba menjawab persoalan-persoalan tersebut.

Sumbangan hasil kajian ini ialah untuk dimanfaatkan oleh masyarakat dan negara demi mengharmonikan hubungan sesama kalangan umat Islam di Malaysia. Pencerahan berkenaan metode akidah yang diberikan oleh al-Qaradawi selaku tokoh agama dan dakwah yang berkaliber akan menarik perhatian ramai pihak bagi menjernihkan perspektif masing-masing yang selama ini sukar menerima pemahaman yang berlawanan dengan pegangannya. Jelas bahawa, perselisihan metode akidah ini sebenarnya mempunyai titik persamaan yang perlu diraikan demi kesatuan umat Islam seluruh dunia. Penjelasan oleh al-Qaradawi ini juga dapat meluaskan pemahaman tentang medan metode akidah yang luas dan sepatutnya perlu diraikan oleh semua pihak yang berkenaan.

2. Metodologi Kajian

Artikel ini adalah menggunakan pendekatan kualitatif, iaitu kajian yang berdasarkan kualiti atau mutu dan bukan berasaskan kuantiti (Baharom et. al., 2005). Skop kajian adalah berkenaan metode al-Qaradawi terhadap sifat *khbariyyah* Allah SWT, dan perspektifnya terhadap metode *ithbat*, *ta'wil* dan *tafwid*. Kaedah pengumpulan data dalam kajian ini ialah melalui dokumen-dokumen yang dapat memberikan maklumat yang relevan kepada masalah kajian. Contoh dokumen yang boleh digunakan ialah buku, artikel, prosiding dan laman web yang berautoriti. Kaedah analisis data pula melibatkan proses pemerhatian, merekod, mengumpul, memilih, mengasing data dan memahami bila ia akan digunakan.

Reka bentuk kajian adalah analisis kandungan. Analisis kandungan bertujuan menganalisis dokumen-dokumen dengan prosedur yang sistematik bagi menjelaskan kandungan sesebuah komunikasi. Fokus utama ialah mengukur kekerapan dan kepelbagaian mesej untuk mengesahkan hipotesis. Dokumen-dokumen yang dianalisis melibatkan artikel, buku, laporan dan prosiding bagi mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan iaitu mengenal pasti metode akidah al-Qaradawi dan perspektifnya terhadap metode *ithbat*, *ta'wil* dan *tafwid* berkenaan sifat *khbariyyah*.

3. Dapatan Kajian

Kajian adalah berkenaan metode akidah al-Qaradawi dan perspektifnya terhadap metode *ithbat*, *ta'wil* dan *tafwid* mengenai sifat *khbariyyah* Allah SWT. Kajian seumpama ini adalah suatu keperluan bagi umat Islam masa kini untuk mendapatkan penjelasan yang tepat berkenaan isu sifat *khbariyyah*, berdasarkan perspektif seorang tokoh ulama muktabar kontemporari iaitu al-Qaradawi. Kedudukannya sebagai ilmuan yang diiktiraf dunia Islam, di samping penghormatan kepadanya sebagai mantan Pengerusi Kesatuan Ulama Islam Sedunia, menjadikan metode akidah al-Qaradawi ini sebagai rujukan yang diperlukan oleh ummah. Dan kenyataannya ialah al-Qaradawi telah mengambil sikap sederhana dalam isu ini, dan menegaskan bahawa sebenarnya sejak dahulu lagi ketiga-tiga metode *ithbat*, *tafwid* dan *ta'wil* sudah menjadi pegangan Salaf sendiri, yang kemudiannya diteruskan oleh aliran Ahli Sunnah wal Jamaah.

Al-Qaradawi (2005) membentangkan setiap metode akidah *ithbat*, *tafwid* dan *ta'wil*, dan membandingkannya berdasarkan metode akidah yang dipegangi oleh Sahabah RA, Tabi'in dan Tabi' Tabi'in sendiri. Al-Qaradawi menegaskan ketiga-tiga metode tersebut sendiri pernah diamalkan oleh generasi Salaf, walaupun tidak menepati disiplin metode yang dipegangi oleh metode *ithbat*, *tafwid* dan *ta'wil* pada hari ini. Menepati disiplin metode yang dimaksudkan di sini ialah semua sifat *khbariyyah* mestilah difahami menurut metodenya sahaja. Contohnya Salafiyah bertegas dengan pendirian bahawa metode generasi Salaf hanya bermetodekan *ithbat* sahaja, sedang Khalaf pula berpendirian bahawa metode Salaf ialah *tafwid* dan metode *ta'wil* pula adalah metode yang bijak dan paling sesuai diamalkan selepas zaman Salaf.

Di sini, al-Qaradawi menekankan bahawa pendekatan Salaf adalah sederhana yang akan merujuk pada mana-mana metode yang tiga itu menurut kesesuaiannya dengan sifat *khbariyyah* yang berkaitan. Kerana itu sifat *istiwa'* di*ithbatkan*, sifat *fi'liyyah* di*tafwidkan* oleh majoriti Salaf, dan sifat seperti *yad*, *'ayn*, *wajh* dan seumpamanya di*ta'wilkan* menurut beberapa riwayat Sahabah RA.

Jadual 1: Metode Akidah Salaf Menurut al-Qaradawi

Salaf		
<i>Ithbat</i>	<i>Tafwid</i>	<i>Ta'wil</i>
Sifat <i>khbariyyah</i> yang sabit secara langsung dengan tafsiran Salaf. • <i>Istiwa'</i>	Konsep tidak berbicara panjang, dan metode majoriti Salaf. • Hampir keseluruhan sifat <i>khbariyyah</i> merangkumi sifat <i>dhatiyyah</i> dan <i>fi'liyyah</i> .	Sifat <i>khbariyyah</i> yang cakna takwil. • <i>Yad</i> , <i>wajh</i> , <i>a'yun</i> , dan seumpamanya.

(Sumber: al-Qaradawi, 2005)

Manakala metode akidah al-Qaradawi sendiri berkenaan sifat *khbariyyah* ialah berpandukan metode *ithbat* pada *istiwa'* dan sifat-sifat *fi'liyyah*, dan metode *ta'wil* pada sifat *yad*, *wajh*, *a'yun* dan seumpamanya. Walaupun tiada pendekatan metode *tafwid*, al-Qaradawi masih menerima metode tersebut sebagai sebahagian daripada metode Salaf oleh sebilangan umat Islam yang menyetujuinya.

Jadual 2: Metode Akidah al-Qaradawi

<i>Ithbat</i>	<i>Ta'wil</i>
Sifat <i>khbariyyah</i> yang sabit secara langsung dengan tafsiran Salaf. • <i>Istiwa'</i> • Sifat <i>fi'liyyah</i> .	Sifat <i>khbariyyah</i> yang cakna takwil. • <i>Yad</i> , <i>wajh</i> , <i>a'yun</i> , dan seumpamanya.

(Sumber: al-Qaradawi, 2005)

Oleh kerana Salaf sendiri merujuk pada ketiga-tiga metode tersebut dalam memahami sifat *khbariyyah*, maka sepatutnya umat Islam hari ini berhati terbuka dengan pendekatan sebegini. Al-Qaradawi sendiri berpegang dengan metode *ithbat* pada sifat *istiwa'* dan sifat *fi'liyyah*, sedang sifat *yad*, *'ayn*, *wajh* dan seumpamanya adalah dita'*wilkan* menurut pentafsiran yang paling tepat. Justeru itu, al-Qaradawi percaya bahawa punca pertelingkahan dan perpecahan umat Islam bukan kerana pegangan mereka terhadap metode *ithbat*, ta'*wil* atau *tafwid* semata-mata. Tetapi ia adalah berpunca daripada sikap fanatik yang tebal terhadap satu-satu metode akidah yang dianuti. Fanatik inilah juga telah mengaburi pandangan umat Islam terhadap titik persamaan yang ada. Sepatutnya titik persamaan inilah yang perlu diutamakan berbanding titik pebezaan yang hanya akan menceraikan kesatuan.

4. Perbincangan

4.1 Konflik Salaf dan Khalaf

Konflik pendapat yang utama antara Salaf dan Khalaf berkenaan akidah adalah mengenai sifat *khbariyyah* Allah. Sebenarnya konflik pendapat ini hanya berkenaan dengan ijthad dalam *furu'* (cabang) akidah sahaja, sebagaimana ijthad yang dipraktikkan dalam *furu'* syariat (Qaradawi, 2005). Munculnya ijthad dalam *furu'* akidah adalah kerana pengamalan metode yang berbeza, sehingga melahirkan metode *ithbat*, *tafwid* dan ta'*wil*.


4.1.1 Kategori Zaman

Salaf dari sudut zaman adalah merujuk kepada tiga generasi umat Islam terawal daripada generasi Sahabah RA, *Tabi'in* dan *Atba' Tabi'in*. Pengkategorian tiga generasi Salaf tadi adalah berdasarkan terjemahan hadis Nabi SAW (Buti, 1990):

“Sebaik-baik kurun adalah kurunku, kemudian (kurun) orang-orang yang selepas mereka, kemudian (kurun) orang-orang yang selepas mereka.”

[Sahih al-Bukhari, no hadis: 6658, Dinilai sahih oleh al-Karami]


Manakala generasi Khalaf pula adalah yang datang selepas berakhirnya generasi Salaf iaitu dalam anggaran kurun ke 3 Hijrah (Baijuri, t. thn.). Mereka adalah terdiri daripada pendokong metode akidah Abu al-Hasan al-Asy'ari dan Abu Mansur al-Maturidi melalui aliran Asha'irah dan Maturidiyyah.



4.1.2 Kategori Metode

Dari sudut metode akidah pula, Salaf dan Khalaf dikategorikan menurut metode akidah sebagaimana graf di bawah:

Graf 2: Kategori Metode Akidah



(Sumber: Analisis Penulis)

Khalaf terkenal dengan metode *ta'wil* dalam memahami sifat *khbariyyah*, manakala Salaf pula menurut umat Islam masa kini adalah sama ada bermetodekan *tafwid* atau *ithbat*. Aliran akidah yang bermetode *ithbat* inilah yang dikenali sebagai Salafiyyah. Metode *tafwid* pula didakwa oleh Khalaf daripada Asha'irah dan Maturidiyyah, sebagai metode akidah sebenar yang dipegangi oleh Salaf.

4.1.3 Perbandingan Metode Salaf dan Khalaf

Secara umumnya, metode *ta'wil* dikatakan hanya muncul selepas bermulanya zaman Khalaf. Metode *ta'wil* tidak begitu dikenali sebagai metode rujukan akidah yang sahih pada zaman Salaf, sebagaimana menurut pandangan al-Juwayni. Ini kerana jika *ta'wil* diterima, tentu para Sahabah RA tidak akan mengabaikannya, dan tidak perlu merujuk pada metode *tafwid* (Juwayniy, 1992). Tetapi menurut al-Qaradawi (2005) metode *ta'wil* termasuk juga *ithbat* dan *tafwid* telahpun diaplikasikan sejak zaman Sahabah RA. Justeru itu dapat difahami bahawa era Salaf sendiri sudah mempraktikkan ketiga-tiga metode tersebut. Walau bagaimanapun, praktikalnya tidak berbentuk teras metode atau disiplin rasmi seperti yang diguna pakai sebagaimana hari ini. Para Salaf akan menggunakan metode-metode tersebut berdasarkan kesesuaiannya dengan sifat *khbariyyah* yang berkaitan sebagaimana yang cuba dibuktikan oleh al-Qaradawi. Adapun praktikalnya sebagai teras metode seperti hari ini, adalah merujuk kepada penggunaan metode *ithbat*, *ta'wil* dan *tafwid* secara tetap sebagai satu disiplin oleh setiap aliran daripada Salafiyyah dan Khalaf terhadap sifat *khbariyyah*.

Justeru itu al-Qaradawi (2005) memperkenalkan dirinya sendiri sebagai seorang *salafi* dalam meng*ithbat*kan sesetengah sifat *khbariyyah*, dan juga sebagai salafi dalam menta'*wil*kan setengah sifat yang lain. Al-Qaradawi berpendapat bahawa rujukan Salaf membuktikan bahawa mereka mengguna pakai metode *ithbat*, *ta'wil* dan *tafwid*, kerana ia merupakan tabiat semulajadi manusia setiap zaman. Tabiat inilah yang menonjolkan sifat ketelitian Ibn 'Umar dan keterbukaan Ibn 'Abbas, kemunculan sekolah *athar* (hadis) dan sekolah *ra'y* (logikal), termasuk sekolah *zahiriyah* (makna zahir) dan sekolah *maqasidiyyah* (makna bertujuan). Di antara kalangan Salaf yang terkenal dengan pegangan *athar* ialah 'Umar al-Khattab, 'Abd Allah bin 'Umar dan Zayd bin Thabit, dengan pengikutnya daripada Tabi'in ialah seperti Sufyan al-Thawri, Awza'iy, Malik bin Anas dan Ahmad bin Hanbal. Manakala kalangan *ra'y* pula antaranya 'Ali bin Abi Talib, 'Abd Allah bin 'Abbas, 'Abd Allah bin Mas'ud dengan diikuti oleh Tabi'in seperti Hasan al-Basri, Abu Hanifah, Harith al-Muhasibi dan Abu Thur (Buti, 1990). Fenomena ini menjadi bukti fitrahnya metode-metode tersebut sehingga dipakai juga pada zaman Salaf.

4.1.3.1 Ithbat

Antara tokoh utama metode *ithbat* ialah Ibn Taymiyyah, yang menganggap Salaf memahami sifat *khbariyyah* berdasarkan metode *ithbat* (Ibn Taymiyyah, 2004). Metode ini membawakan kefahaman bahawa nas zahir sifat *khbariyyah* perlu disabitkan dengan makna zahir yang selayaknya dengan Allah, dengan kaifatnya yang tidak diketahui. Dalam isu ini, al-Qaradawi (2005) sendiri mengakui ada generasi Salaf yang berpegang dengan metode *ithbat* atau *al-tafwid*

al-qarib min al-ithbat (*tafwid* yang hampir dengan *ithbat*). Pendapat ini juga pernah dinyatakan oleh Isma'il al-Sabuni (2003) (m. 449H/1057M) dan al-Bayhaqi (2004) (m. 458H/1066M) berkaitan sifat *khbariyyah* seperti *istiwa'* (bersemayam), *yad* (tangan), *wajh* (wajah) dan seumpamanya. Namun keseluruhan generasi Salaf berpegang dengan *ithbat* pada sifat *istawa* yang mensabitkannya dengan ertinya *'ala* (di atas) dan *irtafa'a* (tinggi). Antara generasi Salaf yang mensabitkannya ialah Mujahid, Ibn 'Abbas, Abu 'Ubayd, Farra', dan Ibn al-A'rabi. Walau bagaimanapun, sifat *khbariyyah* yang bermetode *ithbat* oleh Salaf ini hanyalah pada sifat *istawa* sahaja, dan al-Qaradawi (2005) menganggapnya sebagai bukti adanya pemakaian metode *ithbat* oleh Salaf, dan berpandangan tidak salah merujuk metode *tafwid* dan *ta'wil* pada sifat-sifat *khbariyyah* yang lain.

4.1.3.2 Ta'wil

Metode *ta'wil* ialah metode yang mengalihkan makna zahir nas sifat *khbariyyah* kepada makna *majaz* dan seumpamanya daripada seni-seni dalam bahasa Arab. Sebilangan Salaf ada yang mentakwilkan sifat *khbariyyah* berdasarkan seni bahasa Arab iaitu *isti'arah*, *majaz* dan *kinayah*. Contoh sifat yang ditakwilkan itu ialah *wajh* (wajah) dengan erti Allah SWT sendiri, *ma'iyyah* (kebersamaan umum) dengan erti ilmuNya, dan kebersamaan khas dengan erti bantuan dan pertolonganNya. Takwilan sebeginilah yang diakui oleh Ibn Taymiyyah sendiri menurut al-Qaradawi (2005) biarpun beliau tidak menamakannya sebagai takwil. Malahan ada sifat yang disepakati takwilannya kerana jika digunakan metode *ithbat* atau *tafwid*, hanya akan menggambarkan kelemahan dan kekurangan bagi Allah. Contohnya sifat *nisyan* (lupa), *marad* (sakit) dan *ju'* (lapar). Pentakwilan sifat-sifat ini menurut al-Qaradawi (2005) adalah perlu dan dituntut oleh logik akal dan juga oleh nas wahyu sendiri. Kerana itu tidak sepatutnya di~~ithbat~~kan bahawa Allah *nisyan*, *marad* atau *ju'* sebagaimana yang sabit pada nas yang tidak menyerupai apa yang disifati oleh makhluk, atau berserah (*tafwid*) bahawa ia disifati oleh Allah dengan makna yang sesuai dengan keagungan dan kesempurnaanNya.

4.1.3.3 Tafwid

Metode *tafwid* pula menyerahkan erti sebenar sifat *khbariyyah* kepada Allah sahaja yang mengetahuinya. Metode ini juga menjadi sebahagian daripada metode akidah Salaf berkenaan sifat *khbariyyah*. Istilah masyhur yang merujuk kepada metode *tafwid* ketika menyentuh topik sifat *khbariyyah* ialah *'adam al-khawd* (tiada penjelasan), *'adam al-tafsir* (tiada penafsiran) dan *al-sukut 'anha* (diam mengenainya). Erti sifat *khbariyyah* juga tidak diterjemahkan ke bahasa selain bahasa Arab kerana ia juga dikira suatu tafsiran. Tambahan pula Sahabah RA dan Tabi'in sendiri enggan berbicara panjang tentang sifat *khbariyyah*. Malah Ibn Taymiyyah sendiri mengesahkan metode Salaf adalah tiada tafsiran pada sifat *khbariyyah* seperti metode *tafwid*. Namun adanya pengingkaran dan penghukuman *bid'ah* oleh beliau terhadap metode *tafwid* adalah dianggap sebagai salah satu peringkat pengetahuan dalam perjalanan kehidupannya (Qaradawi, 2005). Ibn Taymiyyah (2004) menolak metode *tafwid* yang menafikan adanya sebarang makna pada sifat *khbariyyah*. Maka majoriti generasi Salaf menurutnya adalah bermetodekan *ithbat* dalam memahami sifat *khbariyyah*. Al-Qaradawi (2005) menolak hukuman *takfir* (mengkafirkan) dan *ta'thim* (mendosakan) oleh Salafiyah terhadap metode *sukut* atau *tafwid*, kerana ia sendiri sebenarnya merupakan metode utama majoriti Salaf berdasarkan riwayat yang banyak. *Ithbat* berlawanan dengan *tafwid* pada konsep *'adam al-tafsir* (tiada tafsiran) kerana *ithbat* sendiri adalah suatu tafsiran. Maka walaupun metode *tafwid* juga mengandungi makna *ithbat*, namun ia tidak menyatakan pengisbatan seperti metode *ithbat* kerana akan dikira sebagai suatu tafsiran terhadap sifat *khbariyyah* berkaitan.

4.1.3.4 Metode al-Qaradawi

Selepas kajian yang teliti dan memakan masa yang lama, Al-Qaradawi (2005) mengakui bahawa beliau baru mendapat keterangan yang jelas tentang perselisihan pendapat berkenaan sifat

khbariyyah ini. Sikap utama yang mesti diambil ialah diam dan menutup mulut dari membicara dan memperdebatkan isu ini, dan percaya bahawa isu ini sudah lama selesai sebagaimana keadaannya. Ini kerana nas-nas yang berkaitan tidak berada pada tahap kefahaman yang sama antara kalangan ulama yang membincangkannya. Justeru isu ini perlu difahami dengan metode yang berbeza tetapi harmoni, bukannya dengan pendekatan permusuhan dan fanatik. Kefahaman terbaik dalam meraikan isu ini ialah melalui format *mu'tadilah* atau sederhana, yang berteraskan prinsip kesederhanaan, pengakuan kesahihan metode yang ada, berpegang dengan metode akidah tersendiri dan mengutamakan tuntutan kesatuan ummah (Yaacob, N. 2023).

Namun setiap insan tetap mempunyai metode yang diutamakan. Al-Qaradawi menyatakan metodanya dalam isu sifat *khbariyyah* ialah dalam tiga kategori:

- i. Sifat *fi'liyyah*
- ii. *Fawqiyyah* dan *'Uluw*
- iii. Zahirnya *tajsim* dan *tarkib*

Sifat *fi'liyyah* ialah seperti *rahmah* (kasihan), *reda* (reda), *ghadab* (marah), *karahiyyah* (benci), *farah* (gembira), *ghirah* (cemburu) dan lain-lain lagi. Sifat-sifat ini perlu *diithbatkan* sebagaimana yang dinyatakan dalam al-Quran dan al-Sunnah, tanpa perlu kepada takwil kerana kejelasan makna-maknanya yang tidak serupa pada makhluk. Sifat-sifat *fi'liyyah* juga sama dengan sifat *sama'* (dengar), basar (lihat), *kalam* (bicara), *hayah* (hidup), *'ilm* (ilmu), *iradah* (berkehendak) dan seumpamanya yang layak dengan keagungan Allah, dan tentunya menyalahi dengan makhluk. Al-Qaradawi (2005) menyatakan sifat-sifat ini adalah sabit secara hakiki, tetapi bukan sebagaimana yang disifati makhluk. Metode ini sama dengan *ithbat* tetapi berlainan daripada *ta'wil* yang akan mentakwilkannya kepada makna *majaz*.

Manakala sifat *fawqiyyah* (atas) dan *'uluw* (tinggi) adalah *diithbatkan* sendiri oleh banyak nas wahyu al-Quran dan al-Sunnah. Al-Qaradawi (2005) menegaskan bahawa kefahamannya adalah mengikut manhaj Salaf yang sebenar, bukannya menurut kefahaman golongan Hashawiyyah yang menjisimkannya. Beliau membawakan pandangan al-Wasiti mengenai isu ini, dan menyatakan bahawa sekiranya umat Islam dapat memahami dengan jelas apa yang disebutkan oleh al-Wasiti maka tidak akan ada sebarang pertikaian lagi mengenai *fawqiyyah* dan *'uluw* yang disabitkan pada *istiwa'* (Wasiti, 1985). Maka al-Qaradawi menyifatkan takwilan makna *istiwa'* (bersemayam) kepada erti *istila'* (menguasai) dan takwilan selainnya adalah ditolak oleh akal yang benar. Al-Qaradawi juga menolak metode *tafwid* di sini dan menganggap *waqf* (berhenti) tanpa *ithbat* adalah sebagai jahil yang sebenar, kerana Allah SWT memberitahu sifat ini adalah untuk diketahui.

Adapun sifat yang zahirnya ada makna *tajsim* (penjisiman) dan *tarkib* (penyusunan) adalah seperti *wajh* (wajah), *yad* (tangan), *'ayn* (mata), *qadam* (tapak kaki), *saq* (betis), *asabi'* (jari) *rijl* (kaki), maka metode terbaiknya ialah takwil kerana ia mempunyai penjelasan yang sempurna. Namun perlu dipastikan takwilan tersebut mempunyai makna yang sangat hampir dengan lafaz zahirnya. Namun menurut al-Qaradawi (2005), takwil ini bukanlah satu-satunya metode yang diwajibkan untuk memahami nas-nas ini. Sifat-sifat ini juga boleh difahami dengan metode *tafwid* sebagaimana yang telah dilakukan oleh ramai Salaf dan Khalaf sendiri, atau dengan metode *ithbat* tanpa kaifiat sebagaimana pegangan metode *ithbat*. Demikianlah pendirian ramai ulama muktabar yang bersifat *mu'tadilah* menurut al-Qaradawi (2005), seperti Abu Sulayman al-Khattabi, al-Bayhaqi, al-Nawawi, Ibn Kathir, Ibn Hajar, dan lain-lain lagi yang akan mentakwilkan sifat-sifat ini dengan takwilan yang paling dekat dengan makna sebenarnya. Bahkan metode *ta'wil* menjadi keperluan kontemporari terutama dalam penterjemahan al-Quran kepada bahasa-bahasa asing, kerana penggunaan metode *ithbat* dan *tafwid* dalam situasi sebegini adalah tidak praktikal dan tidak menepati tuntutan dakwah.

Justeru itu al-Qaradawi menganggap dirinya adalah berpegang dengan aliran Salaf. Salafnya adalah jelas dalam pembentangannya mengenai sifat *fi'liyyah* dan *fawqiyyah* serta *'uluw*. Metode beliau mengenai kategori ketiga yang zahirnya menggambarkan ciri-ciri *tajsim*

dan *tarkib* juga adalah kekal atas disiplin Salaf yang menggunakan metode *ta'wil*. Ini kerana kalangan Salaf sendiri ada yang bermetodekan *ithbat*, *tafwid* dan juga *ta'wil* menurut kesesuaian sifat *khbariyyah* yang dibicarakan (Qaradawi, 2005).

4.1.4 Persamaan Perbandingan

Al-Qaradawi melihat ketiga-tiga metode di atas masih berjalan di atas landasan agama yang sama berteraskan al-Quran dan al-Sunnah. Justeru itu perbalahan dan pertikaian pendapat di antara metode tersebut bukan perbezaan pokok dan dasar agama, bahkan hanya sekadar perbezaan ijthad akidah. Kerana itu al-Qaradawi mencadangkan usaha *taqrib* (pengharmonian) antara ketiga-tiga metode ini. Pendekatan *taqrib* (pengharmonian) ini sebenarnya sudah diusahakan oleh gurunya iaitu Hasan al-Banna. Malah tokoh ulama terkemuka sebelum ini iaitu al-Wasiti (m. 712H) yang dianggap oleh Ibn Taymiyyah sebagai Junayd pada zamannya, adalah antara tokoh awal yang berbicara tentang pengharmonian ini (Wasiti, 1985). Begitu juga al-Safarini (m. 1188H) melalui kitabnya *Lawami' al-Anwar al-Bahiyyah* (Safarini, 1991), Jamaluddin al-Qasimi (m. 1332H) melalui kitab tafsirnya *Mahasin al-Ta'wil* (Qasimi, 1997), dan Rashid Reda melalui *Tafsir al-Manar* (Reda, t. thn).

Hasan al-Banna sendiri pernah memperkenalkan tiga titik persamaan di antara Salaf dan Khalaf iaitu (Banna, 1992):

1. Salaf dan Khalaf bersepakat bahawa Allah maha suci daripada penyerupaan dengan makhlukNya.
2. Salaf dan Khalaf memutuskan bahawa maksud lafaz bagi nas sifat Allah adalah tidak sebagaimana zahirnya seperti yang disaksikan pada makhluk, kerana itu Salaf dan Khalaf bersepakat pada menafikan *tashbih* Allah dengan makhluk.
3. Salaf dan Khalaf mengakui bahawa lafaz-lafaz bahasa yang digunakan pada menyatakan tentang zat Allah tidak dapat menjelaskan hakikat sebenarnya pada pemahaman makhluk.

Syarat utama yang ditekankan oleh Hasan al-Banna dalam usaha pengharmonian ini ialah setiap aliran mesti meninggalkan sikap fanatik terhadap metode sendiri, dan melihat selain metodenya adalah salah dengan Islam kerana ia hanya berkait dengan persoalan ijthad. Justeru Hasan al-Banna membuat kesimpulan bahawa Salaf dan Khalaf bersepakat pada asas takwil berdasarkan tiga titik persamaan di atas, iaitu pertamanya mentakwilkan sifat kepada yang tidak menyerupai makhluk, keduanya maksud lafaz sifat adalah tidak sebagaimana zahirnya pada makhluk, dan ketiganya hakikat sebenarnya tidak dapat ditanggapi oleh makhluk (Yaacob, N. 2023).

Kerana itu al-Qaradawi tegas dengan pendirian sederhananya dalam menyantuni metode akidah *ithbat*, *ta'wil* dan *tafwid* dan menyenaraikan semua metode itu sebagai peserta dalam aliran Ahli Sunnah Waljamaah. Ia berasaskan usul dan asas akidah Islam yang sama dan serupa, yang hanya berbeza pandangan dalam *furu'* (cabang) akidah yang bergantung pada ijthad dan metode masing-masing (Qaradawi, 2005).

4.1.5 Akidah Sebagai Asas Penyatuan

Agenda dakwah para nabi sejak Adam AS sehingga Muhammad SAW ialah persamaan pada akidah dan kepercayaan, tetapi berbeza pada syariah dan praktikaliti. Ia menjustifikasikan bahawa setiap insan akan berbeza pandangan dalam perkara tertentu seperti syariah dan praktikal, tetapi tidak boleh berbeza pada akidah dan kepercayaan iman.

وَلَقَدْ بَعَثْنَا فِي كُلِّ أُمَّةٍ رَسُولًا أَنِ اعْبُدُوا اللَّهَ وَاجْتَنِبُوا الطَّاغُوتَ

Terjemahan: Dan sesungguhnya Kami telah mengutus dalam kalangan tiap-tiap umat seorang rasul: "Hendaklah kamu menyembah Allah dan jauhilah taghut". (Q.S Al-Nahl (16) : 36)

Konflik fanatik metode akidah muncul apabila setiap aliran akidah merujuk kepada ayat di atas sebagai kenyataan yang tidak mengandungi ruang ijtihad pada akidah. Al-Qaradawi menafikan kefahaman tersebut, bahkan menegaskan akidah juga mempunyai isu ijtihad. Perbezaan metode akidah pada zaman Salaf tentang sifat *khabariyyah* adalah di antara situasi yang membuktikan ia sudah termasuk dalam kategori ijtihad yang boleh umat Islam berbeza pendapat tentangnya (Qaradawi, 2005).

4.1.6 Tujuan Penyatuan Ummah

Islam adalah agama yang menyatukan umat Islam, dan melarang perpecahan dan perbalahan yang akan mengeluarkan mereka daripada ajaran agama. Tanda utama sesuatu umat terkeluar daripada ajaran Islam ialah apabila mereka tidak menjadikan al-Quran dan al-Sunnah sebagai pegangan dan rujukan kehidupan. Justeru selagi mana umat berpegang dan merujuk al-Quran dan al-Sunnah, selagi itulah mereka masih berada di atas landasan golongan umat Islam yang sebenar. Konsep inilah yang diakui oleh Nabi SAW dalam hadisnya (Daraqutni, 2004):

Terjemahan: Aku tinggalkan kamu dua perkara kamu tidak akan sesat selepas keduanya, iaitu kitab Allah dan sunnahku.

Perbezaan pendapat dalam memahami nas berdasarkan disiplinnya bukan suatu kesesatan yang mengeluarkan mereka daripada kalangan umat Islam. Malah dakwah Islam juga adalah membawa mesej penyatuan ummah melalui kebenaran yang diperjuangkan (Ibn Kathir, 2000). Hakikat ini bertepatan dengan peringatan al-Quran:

وَاذْكُرُوا نِعْمَةَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا

Terjemahan: Dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuhan-musuhan (semasa jahiliah dahulu), lalu Allah menyatukan di antara hati kamu (sehingga kamu bersatu padu dengan nikmat Islam), maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang-orang Islam yang bersaudara. (Al 'Imran: 103)

4.2 Konflik Kesatuan Ummah

Menurut al-Qaradawi, sebilangan daripada aliran Salafiyyah melihat beza antara Salaf dan Khalaf adalah seperti beza antara kufur dengan iman, tanpa melihat dan meraikan titik persamaan yang ada antara keduanya. Menjadikan isu akidah sebagai bidang yang tiada perselisihan adalah tidak benar, kerana dalam akidah Islam sendiri adanya perkara *furu'* (cabang akidah) yang tidak dapat disabitkan oleh dalil *qat'i* (muktamad). Isu sifat *khabariyyah* ini juga adalah sebahagian daripada *furu'* (cabang) akidah (Qaradawi, 2005).

Al-Qaradawi menolak tuduhan kafir dan dosa kepada Salafiyyah dan Khalaf yang berselisih pendapat mengenai metode *ithbat*, *tafwid* dan *ta'wil* ini. Perselisihan yang berlaku hanya menghasilkan maksimum darjat sama ada tepat atau salah, dan betul atau lebih betul, yang tidak sampai ke tahap kafir dan fasik. *Ta'wil* yang dikaitkan dengan Khalaf tidak perlu dikafir dan difasikkan kerana ia tidak terkeluar daripada bicara bahasa Arab, bahkan segelintir Sahabat RA mempraktikkan *ta'wil* dalam kefahaman mereka. Demikianlah sikap Ibn Taymiyyah dan Ibn al-Qayyim sendiri yang tidak memfasikkan pentakwil yang tersalah dalam isu *usuliyyah* atau *'ilmiyyah* (akidah dan usuluddin). Begitu juga *ithbat* Salafiyyah yang dituduh sebagai *tashbih* (serupa) dan *tajsim* (berjisim) juga tidak perlu dituduh dengan tuduhan kafir dan fasik, sedangkan penafian *tashbih* dan *tajsim* itu jelas dinyatakan melalui karya-karya mereka. Cuma menjadi

harapannya agar Salafiyyah mengendurkan tuduhan yang tidak selayaknya terhadap aliran *ta'wil* yang tidak sehaluan dengan aliran mereka (Qaradawi, 2005).

4.3 Isu Mukhtamar *Dirar*

Prinsip al-Qaradawi terhadap akidah Salaf dan Khalaf adalah lebih ketara terserlah selepas berlangsung satu muktamar Islam di Grozny, Shishan. Muktamar ini adalah anjuran Presiden Shishan sendiri yang merupakan sekutu rapat kepada Republik Rusia, yang dipercayai mempunyai matlamat mengharmonikan hubungan negara Rusia dengan umat Islam sekitarnya. Tajuk muktamar ini ialah “Siapakah Ahli Sunnah wal Jamaah”, dengan jemputan kehadiran adalah barisan ulama Islam sedunia. Walau bagaimanapun penganjuran muktamar ini ditolak oleh al-Qaradawi merangkap Pengerusi Kesatuan Ulama Sedunia, yang menyifatkannya sebagai muktamar *dirar* (rosak). Ia seumpama kesinambungan daripada masjid *dirar* dan kufur yang bertujuan memecahbelahkan kesatuan umat Islam di Madinah pada zaman Nabi SAW (Qaradawi, 2016).

Penganjuran muktamar Grozny dianggap tidak sesuai oleh al-Qaradawi dari sudut matlamatnya, tajuk, serta sikap dan pendirian agama peserta jemputan yang terdiri daripada barisan ulama yang ada kedudukan dalam masyarakat.

Jadual 1: Isu Mukhtamar Grozny

Muktamar	Tujuan	Penolakan al-Qaradawi
Matlamat	Matlamat tersuratnya ialah mempertahankan kesucian akidah Ahli Sunnah menurut metode yang diyakini (Asha'irah dan Maturidiyyah). Matlamat tersiratnya ialah menjalin kerjasama persefahaman antara Kerajaan Rusia dengan umat Islam yang diwakili oleh barisan ulama yang menghadiri muktamar.	Rancangan memecahbelahkan umat Islam dengan isu akidah yang sudah lama selesai diperbincangkan. Apabila sesuatu aliran bersikap fanatik dengan metodenya sahaja, maka selama itu kesatuan ummah tidak akan tercapai. Cadangan kerjasama dengan Kerajaan Rusia yang menjuarai jenayah pertumpahan darah umat Islam di Syria yang berlaku pada waktu itu.
Tajuk	Muktamar ingin mengiktiraf bahawa Asha'irah dan Maturidiyyah sahaja adalah metode dalam aliran Ahli Sunnah wal Jamaah.	Muktamar menolak pengiktirafan terhadap Salafiyyah dan ahli hadis yang juga adalah satu kelompok daripada aliran Ahli Sunnah wal Jamaah.
Sikap dan pendirian peserta	Muktamar berpendirian dengan hanya mengiktiraf Asha'irah dan Maturidiyyah, dan menolak Salafiyyah.	Resolusi muktamar yang sempit dan fanatik, dengan menafikan tuntutan kesatuan ummah yang berlainan metode.
	Meraikan hubungan dakwah dengan non Muslim seperti Kerajaan Rusia.	Tidak cakna dengan nasib malang umat Islam di Syria.

(Sumber: al-Qaradawi, 2016)

Al-Qaradawi juga mendedahkan penolakan beliau terhadap jemputan kerajaan Shishan pada tahun 2010 ke muktamar bertajuk *al-Islam Din al-Salam wa al-Mahabbah*. Jemputan seterusnya diajukan kepada beliau pada tahun-tahun berikutnya, yang semuanya ditolak dengan baik. Penolakan beliau adalah kerana sensitivitinya kepada musibah perang yang menimpa umat Islam oleh pihak yang turut sama terlibat dalam penganjuran muktamar seumpama ini. Al-Qaradawi mempersoalkan tentang hasil yang tidak memberikan faedah selepas berakhirnya muktamar Grozny tersebut, kerana realiti sebenar yang terhasil ialah pertelingkahan berterusan sesama umat Islam sebagaimana yang diinginkan oleh musuh-musuh Islam. Justeru itu al-Qaradawi menjenamakan muktamar seperti muktamar Grozny ini sebagai muktamar *dirar* yang

serupa dengan peristiwa pembinaan masjid *dirar* oleh golongan munafikin pada zaman Nabi SAW (Qaradawi, 2016).

4.4 Penyelesaian Konflik

Perlu ditegaskan, bahawa konflik pendapat Salaf dan Khalaf bukanlah sesuatu yang mungkar dan salah. Ia hanya pengesahan tentang realiti kepelbagaian pemahaman umat Islam terhadap sesuatu isu. Hakikat ini telahpun berlaku sejak zaman Nabi SAW, seperti berikut:

خَرَجَ عَلَيْنَا رَسُولُ اللَّهِ ﷺ وَنَحْنُ نَتَنَازَعُ فِي الْقَدْرِ فَعَضِبَ حَتَّى احْمَرَّتْ وَجْهُهُ، حَتَّى كَأَنَّما فُتِمَى فِي وَجْتِيهِ الرُّمَانُ، فَقَالَ: أَهَذَا أَمْرٌ أَمْ هَذَا أُرْسِلْتُ إِلَيْكُمْ إِنَّمَا هَلَكَ مَنْ كَانَ قَبْلَكُمْ حِينَ تَنَازَعُوا فِي هَذَا الْأَمْرِ، عَزَمْتُ عَلَيْكُمْ أَلَّا تَتَنَازَعُوا فِيهِ .

Terjemahan: Rasulullah SAW telah keluar kepada kami dan kami berselisih pendapat tentang takdir, maka baginda marah hinggakan merah wajahnya, hinggakan seolah-olah dilumurkan pada kedua-dua pipinya buah delima, maka baginda SAW bersabda: “Adakah begini kamu diperintahkan, atau adakah begini aku diutuskan kepada kamu? Sesungguhnya binasa golongan sebelum kamu ialah ketika mereka berselisih pada isu ini, aku minta sungguh-sungguh agar kamu tidak berselisih tentangnya”.

[Jami‘ al-Tirmidhi, no hadis: 2133, Dinilai hasan oleh al-Albani]

Demikian juga sikap yang ditunjukkan oleh Nabi SAW untuk tidak memperdebatkan isu ijtihad, dalam isu keutamaan solat Asar di penempatan Yahudi Bani Qurayzah.

لَا يُصَلِّيَنَّ أَحَدُ الْعَصْرِ إِلَّا فِي بَيْتِي قَرْيَطَةَ. فَأَذْرَكَ بَعْضُهُمُ الْعَصَرَ فِي الطَّرِيقِ، فَقَالَ بَعْضُهُمْ: لَا نُصَلِّي حَتَّى نَأْتِيَهَا، وَقَالَ بَعْضُهُمْ: بَلْ نُصَلِّي، لَمْ يَرِدْ مِنَّا ذَلِكَ، فَذَكَرَ ذَلِكَ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَلَمْ يُعْنَفْ وَاحِدًا مِنْهُمْ.

Terjemahan: Jangan bersembahyang Asar seorangpun kecuali di penempatan Bani Quraizah. Maka sebilangan Sahabah sempat dengan Asar semasa dalam perjalanan, maka kata segelintir mereka: “Kita tidak sembahyang sehinggalah kita sampai dulu”, dan berkata segelintir lain: “Bahkan kita sembahyang, tidak pernah dikehendaki kita sedemikian”, maka disebutkan demikian kepada Nabi SAW maka baginda tidak memarahi seorangpun daripada mereka.

[Sahih al-Bukhari, no hadis: 4119, Dinilai sahih oleh al-Bukhari]

Dalam hadis berkaitan akidah dan syariat solat di atas, sememangnya ada perbezaan dan konflik pendapat di antara Sahabah RA. Namun inti pati penting dari konflik tersebut ialah bagaimana Nabi SAW mengajarkan berlapang dada dalam isu ijtihad dalam akidah dan syariat termasuklah isu tentang takdir, dan tegas menolak sikap fanatik dan taksub (Mubarakpuri, t. thn.). Demikianlah juga isu sifat *khabariyyah* ini yang juga setiap metode *ithbat*, *tafwid* dan *ta'wil* mempunyai dalil masing-masing dalam memahaminya, yang serupa dengan isu takdir yang juga ada dalilnya bagi dua golongan Sahabah RA yang berselisih pendapat seperti yang dinyatakan oleh hadis di atas. Maka tindakan tepat dan terbaik yang ditunjukkan oleh Nabi SAW dalam menyelesaikan isu yang bukan *qat'i* (muktamad) itu ialah tegahan daripada fanatik dan taksub pada isu ijtihad. Maka isu memahami sifat *khabariyyah* ialah isu ijtihad akidah kerana Nabi SAW sendiri tidak mengajarkan secara jelas tentang metode *ithbat*, *ta'wil* dan *tafwid* yang berkaitan dengan sifat tersebut.

5. Kesimpulan

Dalam menguruskan isu sifat *khbariyyah* yang diperselisihkan oleh umat Islam sekian lama, al-Qaradawi mengambil jalan pertengahan dengan meletakkan matlamat akhir isu tersebut ialah sampai pada titik penyatuan ummah. Isu sifat *khbariyyah* menyebabkan kefahaman akidah umat Islam terbahagikan pada tiga metode iaitu *ithbat*, *ta'wil* dan *tafwid*. Pendokong metode *ithbat* iaitu Salafiyyah menegaskan bahawa generasi Salaf adalah berpegang dengan metode ini dalam memahami sifat *khbariyyah*. Pernyataan ini ditolak oleh Khalaf yang mendakwa Salaf adalah bermetodekan *tafwid*, dan dalam masa yang sama menganggap metode *ta'wil* adalah metode paling ideal dan sesuai dengan keperluan akidah dan pemikiran umat Islam hari ini. Pertelingkahan metode berlangsung dalam tempoh masa yang sangat lama dari era awal kemunculan Khalaf sehinggalah sekarang.

Al-Qaradawi mempunyai pendirian dan pendapat yang berbeza daripada pendokong metode-metode tersebut. Dalam menekuni keperluan umat Islam kepada penyatuan ummah selepas perselisihan yang lama, al-Qaradawi membawakan idea kesederhaan dan menekankan titik penyatuan sebagaimana yang pernah dibawakan oleh gurunya Hasan al-Banna. Beliau beria-ria menegaskan bahawa ketiga-tiga metode tersebut sebenarnya sudahpun menjadi kefahaman dan pegangan akidah oleh generasi Salaf daripada Sahabah RA, Tabi'in dan Tabi' Tabi'in. Maka al-Qaradawi mengishtiharkan dirinya juga sebagai seorang *salafi* (pengikut Salaf) yang mengiktiraf pemakaian metode *ithbat*, *ta'wil* dan *tafwid* sebagaimana yang pernah dipraktikkan oleh generasi Salaf. Namun beliau sendiri hanya memilih metode *ithbat* dan *ta'wil* sahaja sebagai metode berkenaan sifat *khbariyyah* Allah SWT. Beliau membentangkan dalil dan bukti tentang realiti identiti metode Salaf ini dan metode yang menjadi pilihannya sendiri dalam bukunya *Fusul fi al-'Aqidah Bayn al-Salaf wa al-Khalaf*.

Al-Qaradawi juga pernah bertindak menegur sikap fanatik sebilangan umat Islam yang sanggup mengutamakan kepentingan peribadi tanpa memikirkan kemaslahatan saudara Muslim yang lain. Contohnya berkaitan muktamar Ahli Sunnah yang dianjurkan di Grozny, Shishan, yang dilabelkan sebagai muktamar *dirar* (rosak) kerana tidak cakna dengan kepentingan dan kemaslahatan umat Islam sejagat. Umat Islam menurut beliau sepatutnya bersikap cakna dengan kepentingan saudara Islamnya seluruh dunia dan tidak mudah dimanipulasikan oleh pihak-pihak tertentu yang berkepentingan. Kerana itu, isu sifat *khbariyyah* ini tidak sepatutnya menjadi faktor keretakan persaudaraan dan persefahaman antara umat Islam pada hari ini sehingga menyebabkan perbalahan dan saling tuduh-menuduh antara satu sama lain dengan tuduhan yang tidak sewajarnya.

RUJUKAN

- 'Isam T. (2001). *Yusuf al-Qaradawi: Faqih al-Du'ah wa Da'iyah al-Fuqaha'*. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Al-Albani, M. N. D. (2000). *Sahih Sunan al-Tirmidhi*. Riyad: Maktabah al-Ma'arif.
- Al-Bajjuri, I. (t. thn.), *Tuhfah al-Murid 'ala Jawharah al-Tawhid*, Fatani: Matba'ah Bin Halabi.
- Al-Banna, H. (1992). "Risalah al-'Aqa'id", *Majmu'ah Rasa'il al-Imam al-Shahid Hasan Al-Banna*, Kaherah: Dar al-Shihab.
- Al-Bayhaqi, A. H. (2004). *Al-Asma' wa al-Sifat*. Tahqiq: Nasir bin al-Najjar al-Dimyatiy. Mansurah: Dar Ibn Rajab.
- Al-Bukhari, M. I (1998). *Sahih al-Buhari*. Semakan: Abu Suhayb al-Karami. (Riyad: Bayt al-Afkar al-Dawliyyah.
- Al-Buti, M. S. R. (1990). *Al-Salafiyyah; Marhalah Zamaniyyah Mubarakah La Madhhab Islami*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Al-Daraqutni, 'A. 'U (2004). *Sunan al-Daraqutni*. Tahqiq: Syu'aib al-Arna'ut et al. (Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Juwayni, 'A. M. (1992). *Al-'Aqidah al-Nizamiyyah fi al-Arkan al-Islamiyyah*, tahqiq: Muhammad Zahid al-Kawthariy. Al-Jami' al-Azhar: al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turath.
- Al-Juwayni, A. M. (t.thn), *Al-Burhan fi Usul al-Fiqh*, tahqiq: 'Abd al-'Azim al-Dib, juz. 1, al-Qaherah: Dar al-Ansar.
- Al-Khattabi, H. M. (1934). *Ma'alim al-Sunan*. Tashih: Muhammad Raghیب al-Tabbakh. Juz. 4. Halab: Matba'ah al-'Ilmiyyah.
- Al-Mubarakpuri, M. 'A. R. (t. thn). *Tuhfah al-Ahwadhi Syarh Jami' al-Tirmidhi*; *Kitab al-Qadar*. Tahqiq: Ra'id Sabri. 'Amman: Bayt al-Afkar al-Dawliyyah.
- Al-Qaradawi, Y. (2005). *Fusul fi al-'Aqidah Bayn al-Salaf wa al-Khalaf*. Kaherah: Maktabah Wahbah.

- Al-Qaradawi, Y. (2016, Januari 9). *Bayan Samahah al-Syaikh al-Qaradawi Ra'is al-Ittihad al-'Alami li 'Ulama' al-Muslimin Hawl Mu'tamar "Man Hum Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah" bi Jrozni*. <https://www.al-qaradawi.net/node/4627>
- Al-Qasimi, M. J. D. (1997), *Tafsir al-Qasimi al-Musamma Mahasin al-Ta'wil*, ed. Muhammad Basil 'Uyun al-Sud, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Sabuni, I. 'A. R. (2003). *Aqidah al-Salaf wa Ashab al-Hadith*. Tahqiq: Abu al-Yamin al-Mansuri. Kaherah: Dar al-Minhaj.
- Al-Safarini, M. A. (1991). *Lawami' al-Anwar al-Bahiyyah wa Sawati' al-Asrar al-Athariyyah*, juz. 1, Beirut: al-Maktab al-Islami.
- Al-Tirmidhi, M. 'I. (1999). *Jami' al-Tirmidhi*. Riyad: Bayt al-Afkar al-Dawliyyah.
- Al-Wasiti, A. I. (1985). *Al-Nasihah fi Sifat al-Rabb Jalla wa 'Ala*, ed. Zuhayr al-Shawish, Beirut: al-Maktab al-Islami.
- Aziz, J. A. (2017). "Dekonstruksi Paradigmatik Pengembangan Zakat: Analisis Kritis Pemikiran Yusuf al-Qaradawi." *Ijtihad Jurnal Wacana Hukum Islam dan Kemanusiaan* 17, no. 2. 191-215.
- Baharom, N. et. al. (2005), *Kamus Dewan Edisi Keempat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibn Kathir, I. (1994). *Tafsir al-Quran al-'Azim*. Semakan: 'Abd al-Qadir al-Arna'ut. Damsyik: Dar al-Fayha'.
- Ibn Taymiyyah, A. (2004). *Majmu' Fatawa*, susunan: 'Abd al-Rahman bin Muhammad bin Qasim dan Muhammad bin 'Abd al-Rahman, jld. 6, Madinah Munawwarah: Mujamma' al-Malik Fahd li Tiba'ah al-Mushaf al-Sharif.
- Reda, M. R. (t. thn), *Tafsir al-Manar*, ed. Fu'ad Siraj 'Abd al-Ghaffar, al-Maktabah al-Tawfiqiyyah.
- Yaacob, N. (2023). Metode Akidah Golongan Mu'tadilah Berkenaan Sifat Khabariyyah: Suatu Pengenalan: The Method of Beliefs of The Mu'tadilah Regarding The Nature of Khabariyyah: An Introduction. *RABBANICA-Journal of Revealed Knowledge*, 4(1), 39-54.
- Yaacob, N. (2023). Pendekatan Hasan Al-Banna Dalam Mendamaikan Aliran Salaf Dan Khalaf: Kajian Dan Penilaian: Hasan Al-Banna's Approach In Reconciling The Flow Of Salaf And Khalaf: Study And Evaluation. *RABBANICA-Journal of Revealed Knowledge*, 4(2), 176-196.
- Yaini, Fariyah A. M., Ibrahim, A. Q., and Che Noh, N. (2020). "Pendekatan Dakwah Terhadap Masyarakat Majmuk berdasarkan Kitab Fiqh Dawlah Karya Yusuf al-Qaradawi [Dakwah Approach to A Plural Society Based on The Book of Fiqh Dawlah by Yusuf al-Qaradawi]." *Asian Journal of Civilizational Studies (AJOCs)* 2, no. 2. 71-83.